

Pameran seni khat
hasil kerja kursus siswa UPM

SENI khat di Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sebahagian daripada kerja kursus dalam mata pelajaran jawi elektif wajib yang diminati ramai siswa terutama yang mengambil Bahasa Melayu dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Ia bukan sahaja menjadi pilihan siswa Melayu, malah beberapa siswa Cina dan Iban turut memilihnya.


Menurut pensyarah Bahasa Melayu yang mengajar jawi di FBMK, Dr Hussein Baharuddin, siswa Islam digalakkan membuat khat daripada petikan ayat suci al-Quran, manakala siswa bukan Islam memilih ungkapan atau mutiara kata dalam bahasa Melayu.

Mengenai bentuk tulisan khat, katanya, mereka bebas memilih jenis khat untuk menghasilkan karya masing-masing, sama ada khat nasakh, riq'ah, kufi, dewani atau sulus.

Pameran seni khat anjuran Jabatan Bahasa Melayu diadakan di lobi FBMK baru-baru ini sempena Bengkel Tulisan Jawi untuk pensyarah dan kakitangan UPM dari pelbagai fakulti, jabatan dan kolej kediaman.

Bengkel itu diadakan bagi menyemai semangat kecintaan kepada tulisan jawi sebagai jati diri bangsa dan warisan negara.

Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Mohd Amin Arshad, berkata tulisan jawi diabadikan dalam bentuk khat demi menambah nilai keindahannya. Beliau berharap tulisan itu dapat digunakan secara meluas dalam pelbagai situasi yang mungkin di sekitar kampus UPM seperti pada nama jalan, jabatan dan pemuka surat.



Apakah yang menarik perhatian anda? Seni khat ini? Jenis khat yang digunakan? Atau gaya penulisan?

Qamirun Sini Xat

حاصیل کرجا کورسوس سیسوا اونیورسیتی قوترا ملیسیا

سني خط دأونیورسیتی قوترا ملیسیا (ا.ف.م.) اداله سهباکین درفد کرجا کورسوس دالم مات فلاجرن جاوي ایلکیتیف واجب یغ دمیني رامای سیسوا تراواتام یغ مغمبیل بهاس ملايو دري فاکولتی بهاس مودن دان کومونیکاسی (ف.ب.م.ک.). ای بوکن سهاج منجادی فیلیهن سیسوا ملايو، ماله بیراف سیسوا جینا دان این تورتوت میلیهن.

منوروت فنشرح بهاس ملايو یغ مغاجر جاوي د.ف.ب.م.ک., دوکور حسین بحرالدين، سیسوا اسلام دکالفتکن مموات خط درفد فیتقن ایه سوجی القرعان، ماناکالا سیسوا بوکن اسلام میلیه اوغکنن اتاو موتیرا کات دالم بهاس ملايو.

مغناي بتتوق تولیسن خط، کاتان مریک بیس میلیه جنیس خط اونتوق مغماصیلکن کاریا ماسیخ، سام اد خط نسخ، رقعہ، کوفي، دیوانی اتاو ثلث.

قامیرن سني خط انجورن جابن بهاس ملايو داداکن دلوي ف.ب.م.ک. بارو این سمنا بیغکیل تولیسن جاوي اونتوق فنشرح دان کاکیتاغن ا.ف.م. دري قلیاکای فاکولتی، جابن دان کولیح کدیلمن.

بیغکیل ایت داداکن باکی میمای سماغت کجینان کفد تولیسن جاوي سباکای جاتی دیری بغسا دان وارین نکارا.

کنوا جابن بهاس ملايو، محمد امین ارشد، برکات تولیسن جاوي دأبادیکن دالم بتتوق خط دمی منبه نیلای کابندهنن. بلیاو برهاف تولیسن ایت داقت دکوناکن سجارا ملواس دالم قلیاکای سیتواسی یغ موغکنن دسکیت کمتوس ا.ف.م. سقرتی قد نام جانن، جابن دان قوموگ سورت.

Maju Bersama Jawi

Tajaan

دار الفکر

www.darufikir.com.my

Pengelola Ruangan

فق مطلوب

matlob@pl.jaring.my

Harian Metro
menganjurkan
Program Motivasi Jawi
untuk pelajar sekolah rendah dan menengah
Kursus Intensif Jawi
untuk tenaga pengajar mata pelajaran Jawi.
Dapatkan keterangan lanjut daripada wakil Harian Metro berdekatan atau hubungi
Pak Matlob
Tel: 019-3981105

القرآن تربیت دارالفکر

القرآن برتجوید

ترجمهن بهاس ملايو RM130
بلدو RM350
برجیلید RM160
یسر RM130
کجیل RM80
کجیل برساروغ RM60
برزیف RM28
تفسیر قیمقین الرحمن RM130
برجیلید RM130
جاوي RM50
رومی RM40


یس برتجوید

یسر هیجاو RM7
یسر RM7
کجیل RM3.50

جزوء

جزء عم برتجوید RM7
جزء تبارک برتجوید RM7

DARULFIKIR SDN BHD
329-B Jalan Abdul Rahman Idris
off Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-26913892 603-2691636
Faks: 603-26928757



"علمو فیولوه کھیونفن"
دحاصیلکن دالم بتتوق خط کوفي بوغا یغ مناریق برلاترکن ورنای بیرو دغن تولیسن برکاریس قوتیه.

موتیرا کات این منجادی جوکن لونتوق سلوروه ورنک قوست قغاجین تیغکی یغ مغلواتماکن علمو سباکای فیولوه ماس دفن بغسا دان نکارا، نکارا تربیلغ جک ورنکاں چمرلغ دان کمیلغ.